



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 13, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-88832511
Faks : 603-88886188

KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1) 18 MEI 2010

Kementerian Kesihatan ingin menjelaskan bahawa penularan virus Influenza A(H1N1) aktif bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di rantau ini dan di seluruh dunia. Penularan jangkitan ini cukup mudah berlaku di tempat-tempat di mana orang ramai berkumpul atau bersesak-sesak. Bagi mengekang penularan ini secara berkesan, mereka yang dijangkiti atau mempunyai gejala ILI diminta melaksanakan TANGGUNGJAWAB SOSIAL supaya TIDAK pergi ke tempat tumpuan awam. Jika mereka yang bersimptom ini terpaksa keluar dan berhubungan dengan orang lain, mereka diminta SENTIASA memakai penutup hidung dan mulut dan mengamalkan adab batuk dan kebersihan diri yang baik. Perkara ini amat penting bagi mengelakkan penyebaran virus kepada individu sihat yang lain. Mereka yang mengalami gejala ILI pula perlu mendapatkan rawatan segera di klinik yang berdekatan. Rawatan awal sangat penting bagi mengelakkan berlakunya komplikasi jangkitan.

Mengenai aktiviti harian, sehingga jam 8:00 pagi pada 18 Mei 2010, Kementerian telah menerima sejumlah tiga (3) laporan kejadian kluster ILI daripada tiga (3) negeri seperti di **Lampiran 1**.

Sementara itu, sehingga jam 5:30 petang 17 Mei 2010, sejumlah 55 kes disahkan positif Influenza A(H1N1) dilaporkan menjadikan jumlah terkumpul kes adalah 14,466. Jumlah kes ILI yang masih dirawat di dalam wad di seluruh negara adalah sebanyak 618 kes. Daripada jumlah tersebut, 73 kes (11.8%) telah disahkan positif influenza A(H1N1). Bilangan kes di ICU ialah 12 kes dengan lapan (8) daripadanya mempunyai faktor risiko.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat terkini berkaitan virus Influenza A(H1N1) seperti fasiliti kesihatan kerajaan yang menyediakan kemudahan pelalian kepada kumpulan berisiko, serta langkah-langkah pencegahan, boleh melayari laman sesawang <http://www.moh.gov.my>

atau <http://h1n1.moh.gov.my> atau menghubungi hotline Kementerian Kesihatan di talian 03-88810200/0300.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 18 Mei 2010

**Senarai Laporan Kejadian Kluster *Influenza-Like Illness* (ILI) Yang Diterima Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia,
Sehingga 8:00 Pagi Pada 18 Mei 2010**

Bil.	Institusi	Bil. terdedah	Bil. Kes ILI di dalam kluster	Keputusan Sampel Positif H1N1	Tindakan diambil
1	Maahad Tahfiz Daril Naim, Melor, Kota Bharu, Kelantan	129 orang	31 orang	Keputusan masih belum diperolehi.	Satu kes dimasukkan ke wad dan selebihnya diberikan rawatan simptomatik sebagai pesakit luar dan diasingkan di dalam bilik isolasi di asrama.
2	Kediaman di Taman Johor Jaya, Johor Bharu, Johor	2 orang	2 orang	2 sampel positif H1N1	Kedua-dua kes dimasukkan ke wad dan diberi rawatan antiviral.
3.	Kediaman di Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung, Selangor	6 orang	2 orang	Keputusan masih belum diperolehi.	Kedua-dua kes diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar.